

COVID-19 : DUA KLUSTER BAHARU DI BENTONG DAN JERANTUT, 15 POSITIF

KUANTAN, 05 JULAI 2021 : Dua kluster baharu dilaporkan hari ini melibatkan daerah Bentong dan Jerantut dengan 15 dikesan positif COVID-19.

Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Dato' Dr. Haji Bahari Dato' Tok Muda Che Haji Awang Ngah dalam satu kenyataan media berkata kluster ini Kluster Industri Bentong 11/2 dan Kluster Industri Jerantut Feri.

“Kluster Industri Bentong Sebelas Dua mula dilaporkan pada 1 Julai 2021 di daerah Bentong. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti tempat kerja indeks kes yang mana disyaki telah berlakunya penularan wabak ketika kes indeks tersebut berada di situ dan mempunyai kontak dengan rakan sekerja yang lain.

“Kes indeks bagi kluster ini merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia yang merupakan seorang pekerja di sebuah kilang. Kes mula mengalami gejala demam, hilang deria rasa dan deria bau. Kes menjalani saringan RTK Antigen di klinik pada 28 Jun 2021. Keputusan RTK Ag beliau positif. Kes telah pergi ke klinik kesihatan untuk menjalani ujian RT-PCR pada 29 Jun 2021 dan disahkan positif pada 1 Julai 2021. Seramai 445 individu telah disaring yang merupakan kontak rapat bagi kluster ini dan 9 kes telah disahkan positif COVID-19.

“Kluster Industri Jerantut Feri mula dilaporkan pada 4 Julai 2021 di daerah Jerantut. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana telah berlakunya penularan wabak yang melibatkan pekerja di sebuah syarikat. Kes indeks bagi kluster ini merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia yang tidak mempunyai sejarah penyakit.

“Kes menjalani ujian saringan RTK-PCR pada 2 Julai 2021 kerana bergejala ringan iaitu demam, pening kepala dan batuk sejak 1 Julai 2021 dan telah disahkan positif COVID-19. Hasil siasatan mendapati ramai kontak di tempat kerja kes juga bergejala dan telah disaring pada 3 Julai 2021. Seramai 58 kontak rapat telah disaring dan enam kes telah disahkan positif COVID-19,” katanya.

Beliau berkata terdapat sembilan kluster aktif direkodkan hari ini mencatatkan pertambahan kes sebanyak 201 kes.

“...iaitu Kluster Selindang (pertambahan 1 kes dengan jumlah keseluruhan 55 kes), Kluster KM 22 (pertambahan 4 kes dengan jumlah keseluruhan 15 kes), Kluster Kailan Tringkap (pertambahan 1 kes dengan jumlah keseluruhan 45 kes), Kluster Sentral Triang (pertambahan 1 kes dengan jumlah keseluruhan 27 kes), Kluster Kampung Lada (pertambahan 3 kes dengan jumlah keseluruhan 70 kes).

“Kluster Rantau Kenanga (pertambahan 5 kes dengan jumlah keseluruhan 464 kes), Kluster Indera Mahkota 16 (pertambahan 23 kes dengan jumlah keseluruhan 247 kes), Kluster Pasar Kemuning (pertambahan 121 kes dengan jumlah keseluruhan 668 kes) dan Kluster Industri Bypass-Gebeng (pertambahan 41 kes dengan jumlah keseluruhan 93 kes).

“Terdapat satu (1) kes dari kluster Tapak Bina Wangsa Kuarza yang merupakan kes import dari Selangor,” katanya.

Sebanyak 312 kes baharu telah dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes disahkan positif COVID-19 di Negeri Pahang telah mencecah ke angka 14,797 kes. -
PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP

Oleh : Ain Nadhirah Basha

